

# PEMBINAAN MODEL BERSTRUKTUR PENYESUAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR

Nor Hashimah Abu Bakar<sup>1</sup>, Zulkifley Mohamed<sup>1</sup>, Mohd. Faizal  
Nizam Lee Abdullah<sup>1</sup>, Siti Ilyana Binti Mohd Yusof<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

Emel: norhashimah1978@yahoo.com, zulkifley@fsmpt.upsi.edu.my,  
faizalee@fsmpt.upsi.edu.my, simy11@yahoo.com

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk membina model penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Model Persamaan Berstruktur Kuasa Dua Terkecil Separa (MPB-KTS) digunakan untuk menilai kebagusan item-item yang digunakan dari aspek kesahan serta kebolehpercayaan dan seterusnya membina model penyesuaian akademik. Instrumen kajian telah diedarkan kepada 100 orang pelajar Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) major Pendidikan Matematik di IPGM. Item kajian diterjemah dan diadaptasi daripada 'Student Adaptation to College Questionnaire' (SACQ). Penilaian kesahan dilakukan berdasar kepada kesahan konstruk dan kesahan menumpu item-item pengukuran. Seterusnya, kebolehpercayaan gubahan dinilai melalui ketekalan dalaman berdasarkan nilai cronbach alpha dan kesahan pembeza. Keputusan statistik menunjukkan bahawa konstruk pendam motivasi paling mempengaruhi penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar diikuti dengan keadaan perkembangan. Justeru itu, bagi memperbaiki tahap penyesuaian pelajar, dapatan kajian boleh digunakan oleh pihak IPGM, BPG, pensyarah dan seterusnya para pelajar.*

**KATA KUNCI:** penyesuaian akademik, Model Persamaan Berstruktur-Kuasa Dua Terkecil Separa, Institut Pendidikan Guru

## ABSTRACT

*This purpose of this study is to develop a model of academic adjustment among students in Institute of Teachers' Training in Malaysia. The Structural Equation Model by Partial Least Squares was used to measure goodness of items in terms of validity and reliability. Then, the model of academic adjustment was developed in this study. The data were obtained by distributing a questionnaire to 100 students of Preparatory Programme Bachelor of Teaching (PPISMP) majoring Mathematics Education in*

*Institute of Teachers' Training. The items were translated and adapted from 'Student Adaptation to College Questionnaire' (SACQ). The validity evaluation of items measured was done based on construct validity and convergent validity. In contrast, composite reliability is a method used in this study to evaluate items reliability through internal consistency and discriminant validity. The statistics result depending on the outcome measure revealed that motivation emerged as the best predictor or latent construct in influencing academic adjustment among students followed by current situation. The findings from this study would recommend the administrators of Teacher Education Division, Institute of Teachers' Training, lecturers and students to adopt strategies in acknowledging students' feelings towards academic adjustment in their institution.*

**KEYWORDS:** *academic adjustment, Structural Equation Model-Partial Least Squares, Institute of Teachers' Training*

## 1.0 PENDAHULUAN

Penyesuaian merupakan proses yang berlaku secara psikologi untuk menerima situasi yang baru, menguruskan masalah atau cabaran yang dihadapi serta berupaya memenuhi tuntutan dalam kehidupan seharian. Proses penyesuaian yang baik akan membantu pelajar menghadapi cabaran yang diterima dan mencapai matlamat yang disasarkan (Kurtz, Puher, & Cross, 2012). Sebaliknya penyesuaian yang bermasalah akan memberikan kekecewaan kepada pelajar. Selain itu, proses penyesuaian juga bermaksud sejauh mana pelajar dapat menerima kekangan atau cabaran yang dihadapi (Feldt, Graham, & Dew, 2011) apabila berada dalam suasana yang berbeza.

Sebagai seorang pelajar, salah satu aspek penyesuaian yang penting ialah dalam aspek akademik. Penyesuaian akademik merangkumi persediaan pelajar serta penglibatan dalam aktiviti akademik, pencapaian sebelumnya dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan (Hoffman & Julie, 2012). Penyesuaian akademik juga merujuk kepada sejauh mana pelajar dapat memenuhi keperluan dari aspek akademik seperti motivasi, kemampuan diri dan keselesaan dengan persekitaran (Baker & Siryk, 1986). Ketidakselesaan yang dialami boleh memberi kesan negatif kepada pelajar dan seterusnya mempengaruhi keadaan penyesuaian akademik.

Di mana-mana institusi pendidikan, pencapaian yang cemerlang dan aktiviti yang boleh menyumbang kepada perkembangan akademik menjadi agenda serta indikator kepada segala aktiviti yang dilakukan. Dalam kajian lepas, penyesuaian akademik merupakan masalah penyesuaian yang paling sukar dilalui (Selden, 2005; Maria Chong,

Habibah, Rahil, & Jegak, 2006). Tidak bersedia untuk menerima perubahan-perubahan yang berlaku dalam konteks akademik terutamanya memberikan rasa ketidakselesaan kepada pelajar. Selari dengan itu, penyesuaian akademik dikenalpasti sebagai satu aspek yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik (Kyalo, & Chumba, 2011; Rienties, Beausaert, Grohnert, Niemantsverdriet, & Kommers, 2012).

Justeru, kajian perlu dilakukan untuk memperlihatkan dengan lebih jelas dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar. Pengesanan pada peringkat awal diharapkan dapat membantu pelajar untuk melakukan penyesuaian khususnya dalam aspek akademik. Selari dengan itu digariskan objektif bagi kajian ini yang ingin dicapai iaitu;

1. Menilai kebagusan item-item pengukuran konstruk pendam penyesuaian akademik
2. Mengetahui faktor yang mempengaruhi penyesuaian akademik
3. Mengetahui faktor yang paling mempengaruhi penyesuaian akademik

## **2.0 SOROTAN LITERATUR**

Tahap penyesuaian akademik boleh dinilai berdasarkan purata markah gred yang diperolehi pada semester pertama (Maria Chong et al., 2006). Penyesuaian akademik yang baik digambarkan melalui prestasi akademik yang cemerlang (Penn-edwards & Donnison, 2011) manakala tahap penyesuaian akademik yang rendah menggambarkan kemerosotan prestasi pelajar (Puher, 2009). Selain daripada prestasi pencapaian, penyesuaian akademik juga merujuk kepada beberapa respon lain yang ditunjukkan semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran. Suka dengan suasana pembelajaran yang baru, boleh menerima perubahan serta perkembangan kurikulum (Puher, 2009), menerima perbezaan tahap kesukaran dan beban tugas atau kerja yang diterima (Hurtado, Carter, & Spuler, 1996) merupakan antara bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya penyesuaian akademik.

Selari dengan itu, Baker dan Siryk (1984,1986) melalui model yang diperkenalkan mengkategorikan penyesuaian akademik sebagai satu proses yang diukur dari segi motivasi terhadap tugas akademik, aplikasi dalam memenuhi keperluan akademik, prestasi atau keberkesanan fungsi akademik dan kepuasan terhadap persekitaran akademik yang dilalui. Menurut Baker dan Siryk, Keempat-empat

kategori ini merupakan faktor yang boleh mempengaruhi keadaan penyesuaian akademik pelajar dan perlu diberi perhatian agar penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar berlaku dengan selesa.

### ***a) Motivasi***

Tahap motivasi yang tinggi dalam akademik membantu pelajar supaya lebih jelas dalam mencapai matlamat atau sasaran (Bowles, Dobson, Fisher, & Mcphail, 2011) dan bersedia memberikan sepenuh komitmen terhadap tugas akademik yang diterima. Kurangnya persediaan dan sokongan motivasi daripada pihak institusi, rakan-rakan dan keluarga menjadi penyebab kepada masalah yang timbul (Kneipp, Kelly, & Cyphers, 2009; Larmar & Lodge, 2014) dan keadaan ketidakselesaian yang dialami. Beyers dan Goossens (2002) mendapati motivasi akademik yang tinggi wujud disebabkan oleh tahap penyesuaian akademik yang tinggi. Maka, jelas menunjukkan bahawa motivasi yang tinggi adalah penting dalam mewujudkan penyesuaian yang tinggi dalam bidang akademik.

### ***b) Persekitaran***

Persekitaran akademik merupakan satu keadaan yang merujuk kepada tahap penerimaan dan kepuasan pelajar terhadap suasana akademik yang baru (Baker & Siryk, 1984). Kajian mendapati terdapat segelintir pelajar menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan suasana kampus. Keupayaan pelajar untuk memperolehi gred yang baik, suka dengan suasana pembelajaran yang baru, boleh menerima perubahan serta perkembangan kurikulum (Puher, 2009) merupakan antara bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya penyesuaian akademik. Kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik dilihat sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik (Habibah, Nooreen, & Rahil, 2010). Keadaan persekitaran akademik dapat membantu pelajar untuk menyesuaikan diri dan menerima serta mengadaptasi perubahan yang berlaku dalam aspek akademik dengan baik. Justeru, pelajar perlu meneroka, melalui, menguasai (Kneipp et al., 2009) serta bijak menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.

### ***c) Perkembangan***

Pencapaian akademik yang cemerlang atau perkembangan potensi diri yang positif khususnya dalam aspek akademik menggambarkan proses penyesuaian akademik dilalui dengan selesa oleh pelajar. Sebaliknya, ketidakselesaian proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui juga oleh pelajar boleh mempengaruhi perkembangan pelajar

seterusnya memberi kesan kepada keadaan penyesuaian akademik pelajar. Pelajar yang dapat menumpukan sepenuh perhatian dan mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan selesa menggambarkan penyesuaian akademik berada dalam keadaan yang baik. Maka, penyesuaian akademik yang baik boleh digambarkan melalui pencapaian yang cemerlang khususnya dalam aspek akademik pelajar.

#### ***d) Aplikasi***

Aplikasi merupakan satu peringkat di mana seseorang itu mampu melakukan dan mengintegrasikan beberapa kemahiran yang dimiliki. Dalam konteks akademik, sekiranya pelajar mampu melakukan tugas yang diberikan dengan baik pada masa yang ditetapkan maka pelajar tersebut bolehlah dianggap telah mampu mengaplikasikan apa yang dipelajari dengan baik. Kemampuan menerima perbezaan tahap kesukaran dan beban tugas atau kerja yang diterima serta mengintegrasikan beberapa kemahiran hanya mampu dicapai sekiranya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan baik khususnya dalam bidang akademik (Mudhovozi, 2012). Justeru itu, penyesuaian akademik yang baik digambarkan melalui kemahiran pelajar mengaplikasikan setiap kemahiran yang dimiliki dengan baik.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan melibatkan enam daripada 27 buah IPG yang terdapat di Malaysia. Sampel bagi kajian ini ialah pelajar PPISMP major Pendidikan Matematik di IPG bagi ambilan Jun 2013. Seramai 100 orang telah dipilih secara rawak mudah. Pengumpulan data dilakukan secara bersemuka antara penyelidik dan sampel kajian. Sampel kajian dikumpulkan di IPG masing-masing dan diberikan tempoh selama 20 minit untuk menjawab soal selidik yang diedarkan. Instrumen kajian ditadbir secara bersemuka semasa pelajar berada di semester pertama. Sampel kajian diberikan taklimat tentang tujuan kajian serta prosidur kajian. Bagi tujuan kajian, nama serta maklumat peribadi sampel kajian dirahsiakan.

Instrumen soal selidik yang digunakan bagi mengukur penyesuaian akademik pelajar diadaptasi daripada terjemahan SACQ oleh Baker dan Siryk (1989, 1999). Item pengukuran bagi komponen penyesuaian akademik daripada SACQ telah melalui proses 'back translation' sebelum diedarkan kepada sampel kajian. SACQ merupakan suatu alat ukur yang menggunakan skala likert 1 hingga 9 yang disusun

daripada tahap penyesuaian terendah iaitu “tidak berkait rapat dengan saya” kepada tahap penyesuaian tertinggi iaitu “berkait rapat dengan saya”. SACQ digunakan untuk mengukur persepsi pelajar tentang kemampuan mereka melakukan penyesuaian akademik dengan suasana institusi pengajian dan sejauh mana mereka mampu memenuhi tuntutan yang diperlukan di institusi tersebut (Baker & Siryk, 1999).


Dalam kajian ini, MPB-KTS digunakan untuk mencapai objektif yang telah digariskan. Secara khususnya, MPB-KDTS digunakan untuk memodelkan hubungan antara pemboleh ubah pendam eksogen dan endogen secara serentak. MPB-KTS terdiri daripada dua set persamaan linear iaitu melibatkan model luaran dan model dalaman (Henseler, Ringle, & Sinkovics, 2009). Model dalaman menspesifikasikan hubungan antara konstruk-konstruk pendam yang dikaji manakala hubungan luaran menspesifikasikan hubungan antara konstruk pendam dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah.

Selain itu, analisis MPB-KTS juga memaksimumkan nilai varians yang diekstrakkan oleh pemboleh ubah pendam endogen. Analisis MPB-KTS menganggarkan nilai skor pemboleh ubah pendam iaitu kombinasi kepada pemboleh ubah yang diumpukkan kepadanya dan boleh digunakan sebagai nilai untuk mewakili pemboleh ubah pendam (Hair, Sarstedt, Ringle, & Mena, 2011). Seterusnya, skor ini digunakan untuk menerangkan pemboleh ubah pendam endogen yang diukur. Merujuk kepada bilangan sampel, MPB-KTS didapati berupaya memberikan analisis statistik yang lebih tepat apabila bilangan sampel kajian adalah kecil (Reinartz, Haenlein, & Henseler, 2009).

### **3.1 Model Kajian**

Dalam kajian ini, penyesuaian akademik merujuk kepada sejauh mana pelajar dapat memenuhi keperluan dari aspek akademik merangkumi motivasi, kemampuan diri dan keselesaan dengan persekitaran. Selari dengan Baker dan Siryk (1984,1986), penyesuaian akademik dalam kajian ini diukur berdasarkan kepada motivasi terhadap tugas akademik, aplikasi dalam memenuhi keperluan akademik, prestasi atau keberkesanan fungsi akademik dan kepuasan terhadap persekitaran akademik yang dilalui. Berdasarkan kajian lepas, didapati keempat komponen ini berupaya mempengaruhi dan memberi kesan kepada tahap penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar. Maka, dalam kajian ini empat hipotesis seperti yang dimodelkan pada Rajah 1 telah diformulasi dan perlu diuji.


- H1: Motivasi mempunyai hubungan yang positif dengan penyesuaian akademik.
- H2: Aplikasi mempunyai hubungan yang positif dengan penyesuaian akademik.
- H3: Perkembangan mempunyai hubungan yang positif dengan penyesuaian akademik.
- H4: Persekitaran akademik mempunyai hubungan yang positif dengan penyesuaian akademik.



Rajah 1: Model kajian

#### 4.0 DAPATAN KAJIAN

Rajah 2 menunjukkan model kajian yang dihasilkan dan diuji menggunakan MPB-KTS. Model kajian terdiri daripada model pengukuran dan model struktur. Bagi memenuhi kriteria penilaian yang ditetapkan dua item (AkaPkem4 dan AkaPkem6) pada konstruk perkembangan, empat item (AkaMot1, AkaMot2, AkaMot3 dan AkaMot5) pada konstruk motivasi dan satu item (AkaApl4) pada konstruk aplikasi telah dikeluarkan daripada model pengukuran kajian. Rajah 2 menunjukkan model pengukuran akhir bagi kajian selepas item-item pengukuran yang tidak memenuhi kriteria dikeluarkan.



Rajah 2: Analisis algoritma model pengukuran

### 4.1 Analisis Model Pengukuran

#### 4.1.1 Kesahan Konstruk

Kebolehpercayaan setiap item di bawah konstruk yang diumpukkan dilihat bagi menilai kesahan konstruk. Bagi kajian berbentuk penerokaan, nilai faktor pembeban yang disarankan ialah lebih besar daripada 0.5. Maka, nilai faktor pembeban item pengukuran di bawah nilai yang disarankan perlu dikeluarkan daripada model kajian. Daripada Jadual 1, didapati nilai faktor pembeban bagi setiap item melebihi 0.5 sebagaimana yang disarankan oleh Hair, Black, Babin, & Anderson (2010). Nilai-nilai faktor pembeban juga didapati terumpuk di bawah konstruk yang ditetapkan dan ini turut memberi sokongan kepada kesahan menumpu.

Jadual 1: Nilai faktor pembeban dan beban silang bagi item pengukuran mengikut konstruk

	Aplikasi	Motivasi	Pkemb	Sekitar	P_ akademik
AkaApl1	0.772	0.300	0.403	0.416	0.339
AkaApl2	0.726	0.350	0.455	0.292	0.193
AkaApl3	0.666	0.380	0.555	0.354	0.303
AkaMot4	0.369	0.831	0.395	0.174	0.404
AkaMot6	0.400	0.797	0.513	0.476	0.372
AkaPkem1	0.227	0.317	0.574	0.215	0.246
AkaPkem2	0.471	0.396	0.624	0.413	0.292
AkaPkem3	0.495	0.411	0.746	0.457	0.374
AkaPkem5	0.596	0.395	0.740	0.285	0.375
AkaPkem7	0.539	0.436	0.756	0.417	0.375



<b>AkaPkem8</b>	0.408	0.386	0.758	0.500	0.413
<b>AkaPkem9</b>	0.452	0.423	0.758	0.307	0.296
<b>AkaSktr1</b>	0.109	0.191	0.159	0.529	-0.005
<b>AkaSktr2</b>	0.318	0.340	0.355	0.710	0.151
<b>AkaSktr3</b>	0.439	0.400	0.387	0.850	0.302
<b>AkaSktr4</b>	0.140	0.111	0.217	0.640	0.164
<b>AkaSktr5</b>	0.531	0.261	0.599	0.749	0.212
<b>Algebra</b>	0.410	0.392	0.472	0.263	0.903
<b>Kebarangkalian</b>	0.396	0.434	0.441	0.313	0.905
<b>Trigonometri</b>	0.292	0.474	0.405	0.231	0.911

#### 4.1.2 Kesahan Menumpu

Penilaian bagi kesahan menumpu dilakukan berdasarkan kepada nilai faktor beban, kebolehpercayaan gubahan dan purata varians terekstrak. Bagi faktor beban, nilai yang disarankan ialah 0.5 dan bagi kebolehpercayaan gubahan (KG) nilai yang disarankan ialah 0.7. Seterusnya, nilai purata varians terekstrak (PVT) sepertimana yang disarankan oleh Chin (2010) ialah 0.5. Nilai PVT melebihi 0.5 menggambarkan purata varians yang diekstrakkan oleh konstruk pendam tersebut adalah melebihi 50%. Jadual 2 menunjukkan nilai kebolehpercayaan gubahan dan purata varians terekstrak bagi model struktur yang dibina adalah seperti yang telah disarankan.

Jadual 2: Nilai faktor pembeban, PVT, KG dan Alpha Cronbach

<b>Konstruk</b>	<b>Item Pengukuran</b>	<b>Faktor Beban</b>	<b>PVT</b>	<b>KG</b>	<b>Alpha Cronbach</b>
Aplikasi	AkaApl1	0.772	0.522	0.765	0.554
	AkaApl2	0.726			
	AkaApl3	0.666			
Motivasi	AkaMot4	0.831	0.662	0.797	0.500
	AkaMot6	0.797			
Perkembangan	AkaPkem1	0.574	0.506	0.877	0.836
	AkaPkem2	0.624			
	AkaPkem3	0.746			
	AkaPkem5	0.740			
	AkaPkem7	0.756			
	AkaPkem8	0.758			
	AkaPkem9	0.758			
Persekitaran Akademik	AkaSktr1	0.529	0.821	0.932	0.891
	AkaSktr2	0.710			
	AkaSktr3	0.850			
	AkaSktr4	0.640			
	AkaSktr5	0.749			
Penyesuaian Akademik	Algebra	0.903	0.500	0.827	0.776
	Kebarangkalian	0.905			
	Trigonometri	0.911			

### 4.1.3 Kesahan Pembeza

Nilai kesahan pembeza menunjukkan sejauh mana item-item yang digunakan mengukur konstruk tersebut dan berbeza dengan konstruk yang lain. Penilaian terhadap kesahan pembeza dilakukan dengan membandingkan nilai punca kusa dua (PKD) bagi PVT dengan nilai pekali korelasi setiap konstruk dalam baris dan lajur yang berkenaan. Analisis terhadap model pengukuran kajian menunjukkan kesemua nilai PKD bagi PVT lebih besar daripada nilai pekali korelasi setiap konstruk dalam baris dan lajur yang berkenaan. Maka, ini menunjukkan kesahan pembeza dipatuhi. Daripada hasil penilaian, jelas menunjukkan model pengukuran kajian dapat diterima dan penilaian diteruskan terhadap model struktur.


Jadual 3: Kesahan pembeza konstruk

	Aplikasi	Motivasi	Perkembangan	P_Akademik	Persekitaran
Aplikasi	<b>0.722</b>				
Motivasi	0.471	<b>0.814</b>			
Perkembangan	0.650	0.555	<b>0.711</b>		
P_Akademik	0.405	0.478	0.485	<b>0.906</b>	
Persekitaran	0.505	0.391	0.532	0.297	<b>0.707</b>

Nilai pepenjur merupakan PKD bagi PVT dan nilai melintang merupakan korelasi antara konstruk

## 4.2 Analisis Model Struktur

Penilaian model struktur dilakukan melalui penilaian ke atas nilai pekali lintasan hubungan bagi hipotesis yang diformulasi. Kaedah pensampelan semula seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3 dilakukan dan nilai statistik t digunakan bagi menilai aras kesignifikanan sesuatu hubungan. Dalam kajian ini, analisis dijalankan pada aras kesignifikanan  $p < 0.05$  (5%) iaitu hubungan adalah signifikan pada nilai  $t > 1.96$ .



Rajah 3: Analisis pensampelan semula bagi model berstruktur

Bagi kajian ini didapati dua daripada empat hipotesis yang diformulasi memberikan keputusan yang signifikan. Motivasi ( $t=2.493$ ,  $p<0.05$ ) dan perkembangan akademik ( $t=2.001$ ,  $p<0.05$ ) didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penyesuaian akademik. Walaubagaimanapun aplikasi ( $t=0.887$ ) dan persekitaran akademik ( $t=0.050$ ) didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan penyesuaian akademik. Maka H2 dan H3 yang diformulasi bagi model ini diterima sebaliknya H1 dan H4 ditolak.

Jadual 4: Ujian kesignifikanan pekali lintasan

Hipotesis	Hubungan	Pekali Lintasan	Ralat	Nilai t	Keputusan
H1	Aplikasi --> P_Akademik	0.101	0.114	0.887	Ditolak
H2	Motivasi -> P_Akademik	0.286	0.115	2.493*	Diterima
H3	Perkembangan -> P_Akademik	0.263	0.132	2.001*	Diterima
H4	Sekitar -> P_Akademik	-0.006	0.119	0.050	Ditolak

\*( $p<0.05$ )

## 5.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan 30.4% varians pada penyesuaian akademik dipengaruhi oleh motivasi, aplikasi, perkembangan dan persekitaran. Walaubagaimanapun, didapati motivasi mempunyai hubungan yang paling signifikan dengan penyesuaian akademik diikuti dengan perkembangan. Dapatan kajian ini selari dengan

pendapat Sullivan (2010) yang menegaskan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi belajar yang tinggi dan stabil didapati lebih mudah menyesuaikan diri dengan suasana akademik baru. Tahap motivasi yang dimiliki dapat membantu pelajar untuk menyesuaikan diri dan menerima serta mengadaptasi perubahan yang berlaku dalam aspek akademik dengan baik. Motivasi yang tinggi khususnya dalam akademik membantu pelajar supaya lebih jelas dalam mencapai matlamat atau sasaran (Bowles et al., 2011).

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan penyesuaian akademik juga mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan perkembangan pelajar. Perkembangan ataupun kemajuan pelajar yang ditunjukkan dalam aspek akademik menggambarkan proses yang dilalui oleh pelajar khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran telah berlaku secara berkesan. Kemajuan yang ditunjuk menunjukkan pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian dan mengikuti proses yang dijalankan dengan selesa. Hasilnya boleh digambarkan melalui pencapaian akademik pelajar. Namun situasi seperti ini mungkin tidak akan berlaku jika pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik dan tidak bersedia untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun faktor aplikasi dan persekitaran akademik tidak menunjukkan hubungan yang signifikan, kedua-dua faktor ini juga perlu diberikan perhatian kerana kedua-duanya masih menyumbang nilai varians kepada penyesuaian akademik. Walaupun nilai yang disumbangkan oleh kecil, namun masih memberi kesan kepada nilai varians yang diekstrakkan oleh penyesuaian akademik. Justeru itu, bagi memastikan penyesuaian akademik berlaku dengan selesa, pelbagai faktor luaran yang mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan aspek akademik perlu sentiasa diberikan perhatian.

## **6.0 KESIMPULAN**

Hasil daripada kajian yang dijalankan, dapat dilihat bahawa dalam usaha untuk memastikan pelajar dapat menyesuaikan diri dengan selesa dalam aspek akademik khususnya, terdapat beberapa faktor yang perlu diberikan perhatian. Antara faktor yang perlu ditekankan ialah dalam aspek motivasi dan perkembangan pelajar. Tahap motivasi yang dimiliki dan ditunjukkan memberi kesan kepada proses penyesuaian akademik yang dilalui. Tahap motivasi yang tinggi menunjukkan pelajar mempunyai tahap penyesuaian akademik yang baik. Selain itu, perkembangan khususnya dalam aspek akademik

yang ditunjukkan oleh pelajar juga menjadi indikator kepada keadaan penyesuaian akademik. Pelajar yang mempunyai perkembangan yang positif menunjukkan tahap penyesuaian akademik berada dalam keadaan yang baik.

Justeru, bagi memperbaiki tahap penyesuaian akademik pelajar, semua pihak khususnya Bahagian Pendidikan Guru, Institut Pendidikan Guru, pensyarah dan kaunselor perlu memberikan perhatian kepada tahap motivasi dan perkembangan yang ditunjukkan oleh pelajar. Tahap penyesuaian akademik yang baik amat penting kerana ketidakselesaian yang dialami boleh memberi kesan kepada pelajar khususnya dari segi pencapaian pelajar. Selari dengan dapatan kajian, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan motivasi dan perkembangan pelajar. Kajian secara kualitatif juga boleh dilakukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mempengaruhi motivasi dan perkembangan pelajar.

## RUJUKAN

- Baker, R. W., dan Siryk, B. (1984). Measuring adjustment to college. *Journal of Counseling Psychology*, 31(2), 179–189. doi:10.1037//0022-0167.31.2.179
- Baker, R. W., dan Siryk, B. (1986). Exploratory intervention with a scale measuring adjustment to college. *Journal of Counseling Psychology*, 33(1), 31–38.
- Baker, R. W., dan Siryk, B. (1989). *The Student Adaptation to College Questionnaire (SACQ)*. Los Angeles, California.
- Baker, R. W., dan Siryk, B. (1999). *Student Adaptation to College Questionnaire Manual* (Second Ed.). Western Psychological Services.
- Beyers, W., & Goossens, L. (2002). Concurrent and predictive validity of the Student Adaptation to College Questionnaire in a sample of European freshman students. *Educational and Psychological Measurement*, 62(3), 527–538. doi:10.1177/00164402062003009
- Bowles, A., Dobson, A., Fisher, R., dan Mcphail, R. (2011). An exploratory investigation into first year student transition to university. In S. InKrause, K., Buckridge, M., Grimmer, C. and Purbrick-Illek (Ed.), *Research and Development in Higher Education: Reshaping Higher Education (Vol. 34, pp. 61–71)*. Gold Coast, Australia, 4–7 July 2011.: Higher Education Research and Development Society of Australasia, Inc.
- Chin, W. W. (2010). *How to write up and report PLS analyses*. In V. E. Vionci, W. W. Chin, J. Henseler, & H. Wang (Eds.), *Handbooks of Partial Least Squares: Concepts, methods and application* (pp. 655–690). London, New York: Springer.

- Feldt, R. C., Graham, M., dan Dew, D. (2011). Measuring adjustment to college: Construct validity of the Student Adaptation to College Questionnaire. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 44(2), 92–104. doi:10.1177/0748175611400291
- Habibah Elias, Nooreen Noordin, dan Rahil Hj . Mahyuddin. (2010). Achievement motivation and self-efficacy in relation to adjustment among university students. *Journal of Social Sciences*, 6(3), 333–339.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., dan Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (Edisi ketujuh). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Ringle, C. M., dan Mena, J. a. (2011). An assessment of the use of partial least squares structural equation modeling in marketing research. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 40(3), 414–433. doi:10.1007/s11747-011-0261-6
- Henseler, J., Ringle, C. M., dan Sinkovics, R. R. (2009). The use of Partial Least Squares path modeling in international marketing. *Advances in International Marketing*, 20(2009), 277–319. doi:10.1108/S1474-7979(2009)0000020014
- Hoffman, J. C., dan Julie, H. (2012). The academic transitional experiences of masters ' students at the University of the Western Cape, *Curationis* 35(1), Art. #33, 8 pages. <http://dx.doi.org/10.4102/curationis.v35i1.33>
- Hurtado, S., Carter, D. F., dan Spuler, A. (1996). Latino student transition to college: Assessing difficulties and factors in successful college adjustment. *Research in Higher Education*, 37(2), 135–157. doi:10.1007/BF01730113
- Kneipp, L. B., Kelly, K. E., dan Cyphers, B. (2009). Feeling at peace with college : religiosity, spiritual well-being, and college adjustment. *Individual Differences Research*, 7(3), 188–196.
- Kurtz, J. E., Puher, M. A., dan Cross, N. A. (2012). Prospective prediction of college adjustment using self and informant-rated personality traits. *Journal of Personality Assessment*, 94(6), 630–637. doi:10.1080/00223891.2012.672506
- Kyalo, D. P. M., dan Chumba, R. J. (2011). Selected factors Influencing Social and Academic Adjustments of Undergraduate Students of Egerton University : Njoro Campus. *International Journal of Busines and Social Science*, 2(18), 274–290.
- Larmar, S., dan Lodge, J. M. (2014). Making sense of how I learn: Metacognitive capital and the first year university student. *The International Journal of the First Year in Higher Education*, 5(1), 93–105. doi:10.5204/intfyhe.v5i1.193

- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin, dan Jegak Uli. (2006). *Masalah Penyesuaian : Punca Pelajar Gagal Menyempurnakan Pengajian di Universiti*. In National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia (pp. 1-8).
- Mudhovozi, P. (2012). Social and academic adjustment of first-year university students. *Journal Social Science*, 33(2), 251-259.
- Penn-edwards, S., dan Donnison, S. (2011). Engaging with higher education academic support: A first year student teacher transition model. *European Journal of Education*, 46(4), 566-581.
- Puher, M. A. (2009). *The big five personality traits as predictors of adjustment to college*. Tesis Digital sarjana. Villanova University. Tidak Diterbitkan.
- Reinartz, W., Haenlein, M., dan Henseler, J. (2009). An empirical comparison of the efficacy of covariance-based and variance-based SEM. *International Journal of Research in Marketing*, 26(4), 332-344. doi:10.1016/j.ijresmar.2009.08.001
- Rienties, B., Beusaert, S., Grohnert, T., Niemantsverdriet, S., dan Kommers, P. (2012). Understanding academic performance of international students: The role of ethnicity, academic and social integration. *Higher Education*, 63, 685-700. doi:10.1007/s10734-011-9468-1
- Selden, A. (2005). New developments and trends in tertiary mathematics education: Or, more of the same? *International Journal of Mathematical Education in Science and Technology*, 36(2-3), 131-147. doi:10.1080/00207390412331317040
- Sullivan, C. J. (2010). *Academic self-regulation, academic performance and college adjustment: What is the first-year experience for college students?* Tesis Digital Doktor Falsafah. University of Maryland. Tidak Diterbitkan.